

SHINOXOL TABLET

Ambroxol Hydrochloride (30mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SHINOXOL TABLET
2. Bagaimana SHINOXOL TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan SHINOXOL TABLET
4. Cara menggunakan SHINOXOL TABLET
5. Semasa menggunakan SHINOXOL TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SHINOXOL TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SHINOXOL TABLET

SHINOXOL TABLET adalah ubat yang digunakan dalam rawatan kesukaran pernafasan yang melibatkan kahak pekat.

Bagaimana SHINOXOL TABLET berfungsi

SHINOXOL TABLET mengandungi Ambroxol, yang dapat membantu mencairkan kahak yang pekat dan melegakan simptom-simptom seperti kesukaran mengeluarkan kahak, batuk dan kesukaran pernafasan.

Sebelum mengambil SHINOXOL TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah terhadap Ambroxol Hydrochloride atau bahan-bahan lain yang disenaraikan dalam produk ini.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika anda ingin menggunakan SHINOXOL TABLET bersama dengan ubat lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda ada mengambil ubat-ubat lain, termasuklah ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan SHINOXOL TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Untuk dewasa: 1 biji.

-Bila perlu digunakan

SHINOXOL TABLET perlu diambil 3 kali sehari atau mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Untuk rawatan jangka panjang, SHINOXOL TABLET perlu diambil 2 kali sehari.

-Berapa lama perlu digunakan

SHINOXOL TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos SHINOXOL TABLET, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan teruskan dengan jadual pengambilan ubat seperti biasa. Jangan mengambil dos berganda pada masa yang sama untuk menggantikan dos yang terlupa di ambil.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kecemasan di hospital terdekat anda jika anda mengesyaki anda atau orang lain mungkin telah mengambil ubat ini dengan terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan segera.

Semasa menggunakan SHINOXOL TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Manfaat penggunaan ubat ini di kalangan wanita hamil semasa trimester pertama perlu dipertimbangkan dengan risiko terhadap janin. Rujuk doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengandung atau menyusukan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Ketidakselesaan abdomen, sakit perut, cirit-birit, loya, muntah, sembelit dan masalah penghadaman. Kesan-kesan sampingan yang lain seperti ruam kulit, kegatalan dan kemerahan kulit juga pernah dilaporkan.

SHINOXOL TABLET boleh menyebabkan alahan teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan SHINOXOL TABLET dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- 1) Alahan yang teruk: sesak nafas, pening, kulit bengkak atau ruam.
- 2) Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas yang ketat dan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

SHINOXOL TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan.



SHINOXOL TABLET

Ambroxol Hydrochloride (30mg)

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih berbentuk bulat, satu permukaan ditandakan dengan skor

“” dan satu permukaan lain ditandakan dengan .

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Ambroxol Hydrochloride

-Bahan tidak aktif:

Lactose

Microcrystalline Cellulose

Sodium Starch Glycolate

Magnesium Stearate

-Nombor MAL

MAL19940052X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

30/08/2018

Nombor Siri

NPRA(R4/1)030818/00226